

22/01/1999

Kenaikan kadar tol lonjak saham UEM

Abdul Halim Yusoff

SAHAM kumpulan pembinaan, United Engineers (M) Bhd (UEM) melonjak tinggi semalam dijana rancangan kenaikan kadar tol lebuh raya yang diumumkan kerajaan baru-baru ini.

Pada penutup urus niaga semalam, saham UEM antara kaunter paling cergas didagangkan untuk ditutup pada RM3.14, naik 17 sen dengan 8,662,000 bertukar tangan, mencapai tahap tertinggi pada RM3.22 dan terendah pada RM3.06.

Kerajaan pada Jumaat lalu mengumumkan tol lebuh raya dinaikkan selepas Tahun Baru Cina pada pertengahan bulan depan.

Bagaimanapun, jumlah kenaikan belum diumumkan.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup tiga hari bermula Isnin lalu dan dibuka semula semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu berkata kenaikan tol perlu bagi mengelakkan pengaliran keluar sumber kerajaan selain membolehkan kerajaan mematuhi kehendak kontrak itu.

UEM memiliki ekuiti penting dalam pemegang konsesi lebuh raya yang paling untung di Malaysia iaitu Projek Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) pengendali Lebuhraya Utara Selatan yang menjalar dari utara ke selatan Semenanjung.

Sebelum ini dilaporkan sekurang-kurangnya empat pengendali lebuh raya tempatan bercadang menaikkan tol mengikut perjanjian konsesi masing-masing mulai 1 Januari tahun ini.

Syarikat berkenaan adalah Projek Lebuhraya Utara-Selatan Sdn Bhd (Plus), Ekspresway Lingkaran Tengah Sdn Bhd (Elite), Kesas Sdn Bhd (Kesas) yang mengendalikan Lebuhraya Shah Alam dan MTD Prime Sdn Bhd (MTD Prime) yang mengendalikan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

Plus dilaporkan bercadang menaikkan kadar tol Lebuhraya Utara Selatan (NSE) 0.74 sen hingga 3.62 sen sekilometer mengikut kelas kenderaan mulai 1 Januari ini.

Dengan kenaikan itu, kadar baru bagi kenderaan persendirian ialah 11.24 sen sekilometer berbanding 10.5 sen sekarang.

Kenaikan itu sepatutnya dilaksanakan tahun lalu tetapi ditolak kerajaan.

Cadangan kenaikan tol bagi lebuh raya Plus dan Elite membabitkan Kelas 1 (kenderaan persendirian), Kelas 2 (lori dua gandar) dan Kelas 3 (lori tiga gandar), manakala bas dan teksi tidak terbabit.

Bagi lori dua gandar, tol akan naik 1.35 sen kepada 18.85 sen sekilometer berbanding 15.50 sen sekilometer dan lori tiga gandar naik 3.62 sen kepada 22.48 sen sekilometer berbanding 20.86 sen.

Sejak memulakan operasi sehingga 1998, Plus memungut RM3.5 bilion.

Dalam tempoh itu juga, kenderaan yang menggunakan lebuh raya ialah 1.393 bilion.

Perjanjian konsesi yang ditandatangani antara kerajaan dan UEM (M) Bhd pada Mac 1988, memperuntukkan kenaikan tol enam peratus setahun mulai 1 Januari 1997 atau mengikut peningkatan Indeks Harga Pengguna (IHP).

(END)